

MAHATHIR - AGENSI

1984

KUALA LUMPUR; 15 APRIL (BERNAMA) - - DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SEMUA MENTERI TELAH DIARAHKAN MENELITI SAMA ADA AGENSI-ACENSL'DI BAWAH JAGAAN MEREKA YANG MENDAPAT PERUNTUKAN DI LUAR BUDGET TELAH DIAUDIT.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA PENGETAHUANNYA SEMUA AGENSI TERSEBUT TELAH DIAUDIT OLEH SYARIKATA-SSYARIKAT AUDIT SWASTA KERANA BADAN-BADAN ITU MEMANG MENJALANKAN PERNIAGAAN.

+KITA AMAL CARA-CARA YANG DIAMALKAN OLEH SEMUA BADAN PERNIAGAAN DALAM HAL INI+, KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN JEMAAH MENTERI DIJABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

BELIAU TELAH DIMINTA MENGULAS LAPORAN YANG MENYEBUT KETUA AUDIT NEGARA TAN SRI AHMAD NORDIN SEBAGAI BERKATA BAHAWA KEBANYAKAN 83 AGENSI DAN SYARIKAT YANG DISEBUT SEBAGAI AGENSI LUAR BUDGET OLEH BANK NEGARA TIDAK TERMASUK DI BAWAH PENGAWASAN KETUA AUDIT NEGARA WALAUPUN TERDAPAT PERUNTUKAN DALAM AKTA AUDIT 1983.

ANTARANYA IALAH PERBADANAN NASIONAL (PERNAS), PERBADANAN PETROLEUM NASIONAL (PETRONAS), SABAH GAS INDUSTRIES, PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA (MISC) DAN PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM).  
-- LAGI 1530/MK

ZCZC 8584

MAHATHIR - AGENSI 2 KUALA LUMPUR

TAHUN LALU AGENSI-AGENSI BERKENAAN MENERIMA \$6.7 RIBU JUTA DARIPADA PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KERAJAAN UNTUK MEMBIAYAI KEGIATAN MEREKA, KATA TAN SRI AHMAD NORDIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKAUN AGENSI-AGENSI TERSEBUT DIAUDIT OLEH SYARIKAT-SYARIKAT AUDIT KERANA INI DIBENARKAN OLEH KERAJAAN SERTA MENDAPAT PERSETUJUAN JABATAN AUDIT SUPAYA DIBENARKAN MENDAPAT JURUAUDIT LUAR.

J IKA ADA PENYELEWENGAN ITU BUKAN KERANA KERAJAAN TIDAK MENGAMBIL BERAT TETAPI DISEBABKAN KECUAIAN OLEH AGENSI-AGENSI BERKENAAN, TEGASNYA. -- BERNAMA 1535/MK